

05/12/1997

Mitsubishi bekal enjin mesra alam kepada Proton

MITSUBISHI Motors Corp (Mitsubishi Motors) dari Jepun akan membekalkan enjin mesra alam kepada Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) mulai tahun 2000, menurut sebuah akhbar harian di Tokyo, semalam.

Mitsubishi Motors dan Proton mencapai persetujuan asas berhubung pembekalan enjin terbabit menerusi rundingan yang bermula tahun lalu, hasil permintaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, demikian kata akhbar Nihon Keizai.

Syarikat Jepun itu akan mengeksport 20,000 hingga 30,000 unit enjin suntikan langsung mesra alam setahun mulai tahun 2000, dengan penghantarannya meningkat kepada 100,000 unit menjelang tahun 2003.

Enjin terbabit yang mula dilancarkan secara komersil oleh Mitsubishi pada 1996, meningkatkan kecekapan penggunaan bahan api dan mengeluarkan karbon dioksida yang rendah berbanding enjin konvensional.

Pembekalan enjin terbabit kepada Proton adalah untuk pemasangan model automatik compact yang dirancang dieksport ke pasaran Asia dan Eropah, tambah Nihon Keizai.

Pembuat kereta Jepun terbabit tidak memberi tumpuan sepenuhnya untuk membekalkan enjin mesra alam kepada kenderaan diperbuat di Asia kerana kos yang tinggi, tetapi Mitsubishi melihat negara maju lebih ketat dalam peraturan berhubung alam sekitar. - AFP

(END)